

## Soalan Lazim Pakej Mampu Milik Jalur Lebar 1Malaysia



### 1. Apakah Itu Pakej Mampu Milik Jalur Lebar 1Malaysia?

Pakej Mampu Milik Jalur Lebar 1Malaysia ialah pakej yang ditawarkan kepada golongan luar bandar tetapi khusus kepada 5 negeri yang di bawah kadar penembusan nasional dengan pada kadar yang rendah bermula dari **harga RM20 untuk perkhidmatan tanpa wayar dan RM38 sebulan untuk perkhidmatan berwayar.**

### 2. Apakah objektif utama pakej ini diadakan?

Pakej ini diwujudkan membantu masyarakat luar bandar dan golongan yang kurang mampu untuk bersama-sama mengecapi faedah-faedah jalur lebar yang telah dikenalpasti seperti membantu rakyat untuk menjana pendapatan dan meningkatkan tahap pengetahuan dan kecekapan terhadap teknologi terkini.

### 3. Bilakah pakej ini boleh diperolehi dipasaran?

Pakej ini akan mula berada di pasaran pada **16 September 2012** dan ke atas daripada wakil-wakil jualan pemberi perkhidmatan yang sah.

### 4. Siapakah yang golongan yang layak untuk mendapatkan Pakej Mampu Milik Jalur Lebar 1Malaysia?

Golongan yang layak untuk mendapatkan pakej tersebut adalah terdiri daripada komuniti luar bandar di dalam 5 negeri yang terpilih iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak.

### 5. Dimanakah pakej ini boleh didapati?

Pengguna yang layak boleh mendapatkan pakej tersebut daripada wakil jualan penyedia

telekomunikasi yang telah dikenalpasti seperti berikut;

NO	JALUR LEBAR TANPA WAYAR	JALUR LEBAR BERWAYAR
1	Celcom Axiata Berhad	Telekom Malaysia Berhad
2	MAXIS Mobile Sdn Bhd	
3	DIGI Telecommunication Sdn Bhd	
4	U Mobile Sdn Bhd	
5	Packet One Sdn Bhd	
6	XOX Com Sdn Bhd	

### 6. Bagaimanakah pengguna boleh mengenalpasti ciri-ciri Pakej Mampu Milik Jalur Lebar 1Malaysia?

Pengguna yang layak boleh mengenal pasti pakej tersebut dengan memastikan pek permulaan tersebut bertanda logo eksklusif **Pakej Mampu Milik 1Malaysia** yang dipaparkan.

NO	JALUR LEBAR TANPA WAYAR	JALUR LEBAR BERWAYAR
1	RM20-25 sebulan bagi kelajuan 512kbps dan kapasiti 1GB	RM 38 dengan kelajuan 384kbps dan kapasiti tanpa had

### 7. Adakah pengguna akan dikenakan kos tambahan dan menandatangani sebarang terma dan syarat untuk melanggan pakej tersebut?

Bagi permulaan, pakej bagi prabayar ini tidak memerlukan pengguna membayar sebarang kos tambahan.

Namun begitu, bagi pengguna yang ingin menikmati perkhidmatan pascabayar, mereka tertakluk kepada terma dan syarat

pemberi perkhidmatan masing-masing seperti kontrak atau bayaran pendahuluan.

### 8. Adakah pihak pengguna mesti membeli peralatan dongle atau modem?

Ya. Ini kerana pakej ini dijual dengan sim pek sahaja tidak termasuk dengan peralatan lain. Oleh itu, pengguna boleh membeli secara berasingan peralatan dongle atau modem dengan pemberi perkhidmatan masing-masing.

### 9. Sekiranya 'data capping' pengguna sudah mencapai ke tahap maksimum, apakah terjadi dengan perkhidmatan tersebut?

Untuk perkhidmatan prabayar, perkhidmatan jalur lebar tersebut akan berhenti dan pengguna boleh membeli semula dengan tambah nilai yang sama seperti pakej yang ditawarkan.

### 10. Apakah dokumen yang diperlukan untuk melanggan pakej tersebut?

Dokumen pengenalan yang disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan bil utiliti (air atau elektrik) untuk pengesahan.

### 11. Adakah pakej ini ditawarkan kepada warganegara Malaysia sahaja?

Ya, pakej ini hanya ditawarkan kepada warganegara Malaysia sahaja.

### 12. Dimanakah boleh mendapatkan maklumat terperinci mengenai pakej tersebut?

Untuk mendapatkan maklumat terperinci dan terkini sila hadir ke agen-agen pemberi perkhidmatan yang terdekat atau layari [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my) dan [www.consumerinfo.my](http://www.consumerinfo.my) bermula **16 September 2012**.

CONSUMERinfo direka sebagai satu program jangka panjang untuk menyediakan maklumat pendidikan bagi membolehkan pengguna membuat keputusan yang berpengetahuan apabila melanggan apa-apa komunikasi & multimedia. CONSUMERinfo berhasrat pengguna untuk berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk memilih komunikasi & produk multimedia yang terbaik memenuhi keperluan mereka serta untuk memahami hak dan tanggungjawab mereka sebagai pengguna.